

UMP bina rumah kabin

8- Harian **CINERATI** 19 Feb 2015 m/s 6

Oleh **Amin Ridzuan Ishak**
aminridzuan@bh.com.my

► Kuala Lipis

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menawarkan kepakarannya membina rumah kabin bagi menggantikan kediaman rosak dalam bencana alam termasuk ketika banjir, baru-baru ini.

Menerusi kaedah pembinaan dibangunkan anak syarikat UMP Innovest Sdn

Bhd itu, ia mampu membina empat rumah dalam tempoh enam minggu, lebih cepat berbanding kaedah konvensional.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, pihaknya menyediakan dua jenis kabin yang mempunyai tiga bilik tidur dan dua bilik mandi serta dua bilik tidur dan dua bilik mandi.

"Untuk rumah mempunyai tiga bilik dengan keluasan 700 kaki persegi, kita menawarkan pada harga RM65,000

manakala bagi rumah dua bilik pula, harganya sekitar RM45,000 dan harga ini adalah termasuk pendawaian elektrik.

"Rumah ini juga lebih cepat dibina kerana menggunakan konsep pasang siap, kita sudah ada peralatannya dan hanya perlu memasangnya di lokasi ditetapkan serta sesuai untuk bencana yang mangsanya memerlukan kediaman segera.

"Kelebihan lain rumah kabin ini adalah suhu dalamnya tidak terlalu panas, walaupun kita gunakan



Lakaran **pelan lantai** rumah kabin yang dibangunkan UMP.

FAKTA NOMBOR

700
kaki

persegi keluasan bagi rumah jenis kabin

Dana wakaf

Mengulas lanjut, Dr Daing berkata, pihaknya akan melancarkan dana wakaf bagi membolehkan syarikat korporat dan individu menaja pembinaan rumah itu untuk disumbangkan kepada mangsa kehilangan rumah.

"Kita ada satu jalan penyelesaian mempercepatkan pembinaan rumah untuk mangsa bencana dan dari segi kewangan kita minta sumbangan daripada syarikat korporat serta individu dengan memperkenalkan konsep wakaf.

"Dalam masa sama, sumbangan ini juga boleh digu-

nakan untuk membantu mangsa terjejas akibat bencana, bukan hanya untuk pembinaan rumah kabin tetapi rumah pengemasan dan barangan keperluan," katanya.

Sementara itu, Pengarah UMP Innovest Sdn Bhd, Datuk Rosli Mohd Yunus, berkata pemilik rumah kabin itu boleh mengubah suai kediaman berkenaan mengikut kemampuan mereka pada masa depan termasuk menambah tingkat atas.

"Prosesnya tidak sukar dan mereka hanya perlu membuka bumbung dan menambak kontena di tingkat atas" katanya.



Rumah contoh kabin untuk mangsa banjir.

bekas kontena," katanya selepas menyaksikan pembinaan rumah sementara seorang penduduk Kampung Aur Gading, di sini, baru-baru ini.